

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD ALI
DI 'BENGKEL DASAR WANITA NEGARA'
DI AUDITORIUM INTAN, BUKIT KIARA KUALA LUMPUR
PADA HARI KHAMIS, 10HB NOVEMBER 1988
PUKUL 9.00 PAGI

Baku

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YBha Pengerusi Majlis

~~YB Datuk Napsiah Omar, Menteri Perusahaan Awam.~~

Yang Berhormat Dato Dr Siti Zaharah Sulaiman,

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri;

3. YB Cik Leng Goh Kwen T/M Kem. Beha + Beka.

Dif-dif Kehormat:

4. YBha ^{Y. Yusen} Dato Seri Raja Awashiki Islem
N. B. Perak
Puan-Puan dan Tuan-Tuan,

5. YB Puan Hj. Shaufal Hordial
Menteri Muda Kluay. Malay. Sarawak

6. YBhg. P/Sri Fahmil Hamidon.

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana diatas berkat rahmat serta limpah kurniaNya dapat saya^{kita} hadir bersama dengan puan-puan di 'Bengkel Dasar Wanita Negara' pada pagi yang berbahagia ini.

2. Apabila kita menyebut wanita dalam pembangunan negara, kita pasti menganggap kedudukan wanita itu sebagai satu perkembangan yang menyeluruh yang melibatkan aspek politik, ekonomi, sosial, kebudayaan dan aspek-aspek lain dalam kehidupan manusia termasuk juga pembangunan manusia itu sendiri.

3. Pembangunan wanita khususnya memerlukan tindakan di peringkat tempatan, kebangsaan

...dan/-



dan antarabangsa, juga tidak lupa daripada segi keluarga itu sendiri. Ia juga memerlukan perubahan sikap dan peranan kaum lelaki dan wanita seterusnya masyarakat keseluruhannya. Pembangunan wanita tidak semestinya dilihat daripada perkembangan sosial sahaja tetapi ia juga sepatutnya merupakan sebagai perkembangan satu komponen yang penting di dalam aspek pembangunan pada keseluruhannya.

4. Konsep pembangunan ini biasanya dikaitkan dengan perkara-perkara seperti pembasmian kemiskinan, taburan pendapatan yang baik, mutu perkhidmatan yang lebih sempurna dan penglibatan rakyat. Dengan demikian proses pembangunan adalah merupakan penyediaan kemudahan-kemudahan dan

...perkhidmatan/-

perkhidmatan asas yang perlu diadakan untuk menentukan kemajuan dalam tahap sosio ekonomi negara.

5. Bagi mendapatkan tahap kedudukan wanita yang lebih tinggi di dalam masyarakat, satu dasar mengenai Wanita Malaysia perlu diwujudkan setelah lebih dari sepuluh tahun ^{Dasar ini} untuk 'Dekad Wanita Sedunia' diisytiharkan bagi memelopori integrasi wanita di dalam pembangunan negara supaya mencapai kemajuan yang sesuai dengan budaya bangsa kita dan mengikut 'Plan of Action di Nairobi 1985' atau Rancangan Tindakan Sedunia di Nairobi,

6. Sudah sampai masanya wanita-wanita di Malaysia mengadakan satu dasar yang mempunyai

...objektif/-

objektif dan matlamat yang tertentu untuk dijadikan garis panduan dan bimbingan ke arah mana yang harus ditujui oleh wanita-wanita Malaysia.

Para hadirin sekalian,

7. Semenjak merdeka pada tahun 1957, hinggalah pada hari ini, kita telah pun dapat melihat berbagai bidang yang telah diceburi oleh wanita, yang pada satu masa dahulu, tidak dimimpikan dapat dikecapi dan dinikmati oleh kaum wanita. Keinginan, kemahuan serta inspirasi wanita-wanita pada awal tahun-tahun kemerdekaan dan sebelumnya adalah untuk menikmati kehidupan yang lebih sempurna melalui pelajaran. Perkara ini telah ditekankan dengan tegasnya oleh Puan Hajah

...Zainon/-

Zainon Munshi Sulaiman, lebih dikenali oleh orang ramai dengan nama Ibu Zain, yang telah menyarankan pembukaan Maktab Perguruan Perempuan Melayu, di Durian Daun Melaka pada tahun 1939, Ibu Zain telah dapat mewujudkan satu sekolah perempuan di dalam bahasa pengantar Inggeris di Johor.

8. Pada tahun 1947 pula, Malay Girl's College ataupun dikenali sebagai Maktab Perempuan Melayu telah diwujudkan sebagai sekolah berasrama. Sebelum ini pada tahun 1929 Ibu Zain telah mempelopori Persekutuan Guru Perempuan Melayu, yang mana Persekutuan ini telah menerbitkan majalah yang dinamakan 'Bulan Melayu', kini dikenali sebagai majalah wanita yang pertama sekali, dikeluarkan di

...Malaya/-

Malaya di atas terbitan dan urusan wanita sendiri.

9. Dengan terbitnya majalah ini maka ia telah dapat menambah dan merapatkan lagi silaturrahim di antara wanita-wanita Melayu dengan memberi penekanan kepada bahan-bahan bacaan, memberi penerangan dan juga dapat membimbing wanita-wanita yang menghadapi masalah. Tujuan utama mewujudkan majalah itu adalah untuk melatih kaum wanita di dalam ehwal karang-mengarang dan sebagai tempat atau alat bagi kaum wanita untuk bertukar-tukar fikiran. Kini di pasaran bacaan kita telah mendapat banyak dan berbagai corak majalah wanita yang timbul sebagai satu alat atau media yang memberi perangsang menaikkan semangat dan keinginan

...bagi/-

bagi wanita untuk memajukan diri mereka ke hadapan.

10. Minat membaca dan naluri ingin tahu terdapat di kalangan segelintir wanita di Malaya pada masa itu. Namun proses pembelajaran telah dapat sedikit sebanyak menukarkan peranan dan imej serta status wanita. Dengan penukaran kedudukan atau status, peranan dan imej ini, kita telah dapat melihat keadaan dan situasi yang bertukar daripada bidang ekonomi. Misalnya, pada awal tahun kemerdekaan, wanita yang paling ramai bekerja di luar rumah adalah wanita India. Mereka ini bekerja di ladang-ladang getah yang dimiliki oleh pihak British dan bekerja sebagai buruh kasar di landasan keretapi, sedangkan bagi wanita

...Melayu/-

Melayu selepas mendapat peluang pelajaran kebanyakan daripada mereka bekerja sebagai guru, jururawat, wartawan, selain daripada bertani di ladang dan sawah masing-masing. Manakala wanita-wanita Tionghua lebih berminat di dalam lapangan melombong bijih timah dan juga menanam sayur-sayuran (tanaman kontan) untuk dijual di pasar-pasar.

11. Pada tahun-tahun tersebut, nilai sosio-budaya tradisional telah menghalang wanita-wanita berkecimpung dalam bidang-bidang yang lain daripada apa yang telah ditetapkan mengikut adat resam dan sosio-budaya setempat.

12. Walau bagaimanapun, pada hari ini tahap kenal huruf bagi wanita-wanita telah

...meningkat/-

meningkat 66% dan ini di antara lain telah membolehkan wanita itu menceburi bidang-bidang yang lain daripada hanya menjadi seorang gadis, seorang suri rumahtangga, seorang ibu, petani ataupun pekerja-pekerja di pejabat-pejabat dan buruh. Wanita-wanita yang menjadi suri rumahtangga juga telah pun berfungsi sebagai seorang suri rumah yang dapat membendung dan membentuk keluarga dan rumahtangga yang lebih sempurna, selain daripada membimbing anak-anak ke tahap pembelajaran yang lebih bermutu. Kesedaran wanita itu sendiri mengenai potensi mereka sebagai manusia, anak, gadis, isteri, ibu, pekerja dan penyumbang kepada pembangunan negara, masyarakat dan negara adalah amat penting. Perubahan sikap ini memang akan

...mengambil/-

mengambil masa dan ini merupakan halangan besar kepada kemajuan wanita.

13. Peluang-peluang yang lebih, dalam pelajaran, latihan dan pekerjaan akan memperbaiki fungsi wanita dalam kehidupan seharian di rumah dan meningkatkan keupayaan mereka untuk mencari pendapatan. Ini juga telah melahirkan kesedaran mengenai potensi mereka dan seterusnya memperbaiki keupayaan moral mereka untuk menentang cabaran-cabaran dan halangan. Dalam keadaan inilah maka wanita-wanita ini telah sedar bahawa kerja-kerja yang dibuat sebagai seorang suri rumah, ibu, tidak dapat diiktiraf nilai kewangannya. Oleh sebab ia tidak mempunyai monetary value ini, kerja-kerja isteri di rumah tidak mendapat pengiktirafan atau

...recognition/-

recognition. Dengan keadaan yang demikian, kerja-kerja ekonomi suri rumahtangga ini tidak dikenali dalam konteks pembangunan ekonomi sebagai golongan economically active dan dengan demikian tidak dapat memberi sumbangan dalam konteks Keluaran Negara Kasar. Oleh kerana ini wanita tidak mempunyai status yang tinggi daripada segi ekonomi mahupun sosial.

14. Wanita-wanita juga merupakan konsumer yang mustahak bagi menentukan kestabilan ekonomi negara. Ia yang mencorakkan tarikan daya pembeli yang paling penting di dalam sesuatu ekonomi untuk mempelbagaikan perindustrian tempatan, seterusnya membangunkan consumer base industry yang boleh memperkembang dan memperkukuhkan lagi

...tahap/-

tahap pengeluaran kasar ekonomi negara. Malangnya perkara ini tidak diambil kira oleh penggubal dasar negara.

15. Seinggalah tahun-tahun tujuh puluhan, peranan wanita masih lagi merupakan sebagai peranan yang stereo-type iaitu sebagai seorang isteri dan ibu. Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kelima hanya mengiktiraf sumbangan wanita sebagai isteri dan ibu yang dianggap memainkan peranan yang penting sekali untuk menstabilkan keluarga seterusnya masyarakat dan negara. Keluarga yang stabil dan sihat akan dapat membina sebuah keluarga dan negara yang baik, harmoni dan sempurna.

16. Ada golongan-golongan yang berpendapat bahawa wanita itu perlu diberi pilihan sama

...ada/-

ada hendak menjadi seorang isteri dan ibu ataupun seorang pekerja wanita. Kebanyakan daripada wanita pada hari ini masih lagi meneruskan kerjaya mereka di luar rumah, walaupun ia merupakan beban yang paling berat daripada segi keadaan penggunaan masa dan juga kekuatan tenaga dan rohaniah. Keadaan ini telah menimbulkan konflik di antara ingin menjadi isteri dan ibu yang taat dan juga menjadi seorang pekerja yang baik dan berkaliber.

Para hadirin sekalian,

17. 36.6% daripada wanita yang memainkan peranan yang aktif dalam pembangunan sosio ekonomi terdiri daripada wanita-wanita yang termasuk di dalam golongan pekerja atau the

...working/-

working class. Mereka ini tidak mempunyai keupayaan untuk mendapat pembantu rumah. Lagipun khidmat pembantu rumah kini menjadi satu barangan ataupun komoditi yang susah dan sukar untuk didapati. Akibat daripada proses pembangunan, iaitu perindustrian, yang mana kebanyakan daripada gadis-gadis di Malaysia tidak lagi begitu berminat untuk bekerja sebagai pembantu lagi, kerana kehidupan mereka terkongkong dan tidak mempunyai kebebasan. Gadis-gadis ini sama ada Melayu, Tionghua dan India sanggup berhijrah dari desa dan kampung ke bandar, dan lebih berminat bekerja di kilang-kilang. Apakah kesan yang timbul daripada dasar perindustrian negara? Penghijrahan ini sekiranya tidak dapat dibendung dengan baik iaitu dengan mengadakan taman asuhan dan

...taman/-

taman didikan kanak-kanak, untuk membantu isteri dan ibu semasa ia bekerja, baik di kilang atau di mana sahaja, akan timbul pula satu keadaan sosio ekonomi yang kurang menyenangkan. Dalam keadaan ini ada pihak-pihak swasta yang telah mengeksploitasikan wanita tanpa memikirkan tentang kesejahteraan dan kebaikan pekerja-pekerja mereka.

18. Begitu juga keadaannya dengan wanita di dalam bidang perniagaan dan perdagangan, hanya segelintir sahaja yang berjaya dan kebanyakan daripada mereka masih tinggal hidup segan mati tak mahu. Ini adalah disebabkan amat sukar bagi wanita-wanita ini untuk mendapat pusingan modal daripada bank-bank dan institusi-institusi kewangan

...untuk/-

untuk membantu mereka meningkat dan memperluaskan lagi perniagaan mereka.

19. Di dalam bidang kesihatan pula, matlamat ekonomi negara sukar dicapai sekiranya tidak ada persefahaman mengenai implikasi penjagaan kesihatan bagi wanita dan penyertaan mereka dalam perkhidmatan. Peranan wanita di dalam proses pembiakan, telah menyebabkan wanita itu lebih terbuka kepada penyakit-penyakit. Dengan demikian kesihatan bagi wanita harus juga meliputi integrasi badan, akal dan keseluruhan alam sekitar. Persepsi wanita, cita-cita, aktiviti-aktiviti, keadaan material dan perubahan yang lain mempunyai kesan langsung terhadap wanita.

...Wanita/-

20. Wanita menyertai dengan aktifnya di dalam buruh dan adalah agen utama sosialisasi dan buruh rumahtangga. Dengan demikian, wanita memikul beban tanggungjawab yang berat yang boleh mengakibatkan keadaan kesihatannya terganggu dan ini termasuklah daripada segi psikologi. Taraf kesihatan wanita di Malaysia walaupun telah meningkat dengan baik dalam masa sepuluh tahun kebelakangan ini, masih lagi terdapat keadaan seperti penyakit kurang darah, pemakanan yang tidak seimbang, kehamilan yang kerap masih lagi mengancam wanita dan sebagainya. Kadar kematian ibu semasa bersalin, keguguran, kematian bayi dalam perut masih lagi tinggi. Kadar kematian ibu-ibu yang bersalin adalah 0.4% pada setiap 1,000 kelahiran.

...Kemudahan/-

21. Kemudahan kesihatan, pemakanan, aktiviti-aktiviti sosial yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan adalah penting bagi penyertaan wanita dalam aktiviti-aktiviti pembangunan untuk memperkuatkan lagi kehidupan berkeluarga dan bagi meninggikan lagi mutu kehidupan. Satu lagi langkah yang harus diambil untuk meninggikan penglibatan wanita dalam sektor kesihatan adalah dengan menyediakan sistem kesihatan lebih berdasarkan kepada kehendak-kehendak wanita.

22. Apabila kita bercakap tentang hak-hak wanita mengikut undang-undang, tidak boleh disangkal bahawa langkah-langkah pertama yang perlu diambil alih ialah memastikan hak-hak bagi mengelakkan diri daripada tertindas. Di Malaysia NACIWID telah memasukkan dalam

...rancangan/-

rancangan mereka syor-syor untuk menyelaraskan undang-undang yang berbentuk diskriminasi terhadap wanita dengan memastikan semua undang-undang, akta-akta dan lain-lain yang berkaitan dengan wanita yang diketengahkan ke Parlimen untuk mana-mana kementerian atau agensi Kerajaan dijalankan selepas mengadakan perundingan dan penyelarasan dengan HAWA. Walaupun demikian masih ada lagi banyak undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan wanita perlu diambil perhatian dan diteliti.

Puan-puan sekalian,

23. Dengan keterangan-keterangan yang saya sebutkan tadi maka dengan sendirinya ia menunjukkan betapa perlu dan pentingnya kita

...mengadakan/-

mengadakan Dasar Wanita Negara. Garis panduan mengenai Dasar Wanita Negara telah pun disebarkan kepada pertubuhan-pertubuhan wanita untuk wanita-wanita meneliti dengan lebih mendalam dan memberi komen-komen tiga bulan dahulu dan pada hari ini kita akan mengadakan bengkel mengkaji dan mendalami garis panduan Dasar Wanita yang telah dibuat oleh NACIWID supaya ia dapat dijadikan satu dasar yang mantap yang dapat dinikmati oleh semua golongan.

24. Pentingnya bagi kita mengingati bahawa dasar wanita itu perlu kita cuba mengikut kehendak dan keperluan wanita-wanita tempatan bersandarkan kepada adat resam dan tata susila serta kebudayaan kita orang Malaysia.

...Para/-

- 21 -

Para hadirin sekalian,

25. Dengan harapan Bengkel ini akan membawa kejayaan menentukan Dasar Wanita Negara, saya dengan sukacitanya merasmikan 'Bengkel Dasar Wanita Negara' ini.

Wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullah wabarakatuh.

